

TALKING POINT
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN
PADA 4 APRIL 2013
DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia

SALUTASI

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Timbalan Pendaftar UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan UniMAP,

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,
Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao, Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai).

KATA-KATA ALUAN

Hadirin sekalian,

1. Bersyukur ke hadrat Allah swt kerana dengan keizinanNya, dapat kita bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini. Terima kasih saya titipkan buat staf UniMAP yang masih lagi memberikan sokongan kepada aktiviti senamrobik kita yang bukan sahaja akan menyihatkan badan malah sebagai medan untuk kita berkongsi maklumat dan pengetahuan akan isu-isu terkini yang berlaku di UniMAP.

SEKSYEN BAHASA INGGERIS

Ladies and Gentlemen,

2. *On the 26 March 2013, UniMAP has signed a Letter of Intent (LOI) with a company called Drie Sohne Technologies (Deutschland) Sdn. Bhd. (DST) with the parent company EMT in Germany. The signing ceremony was held at the Langkawi Maritime and Aerospace Exhibition, LIMA 2013. The ceremony was graced by the presence of our Chancellor and Pro Chancellor Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalulail and Tuanku Hajjah Lailatul Shareen Akashah respectively to witness the signing ceremony.*
3. *The Deputy Vice Chancellor, Prof Zul Azhar Zahid Jamal was present on my behalf and I was informed that our booth was visited by guest of honours such as the honourable Tun Dr. Mahathir Mohamad and the honourable Minister of Defence Datuk Seri Zahid Hamidi. I felt greatly honoured by their visits.*

- 4. The Unmanned System called SMART-V is an emerging industry, and I am indeed very pleased for UniMAP under the leadership of Dr. Hazry Desa and his research team are able to establish a linkage and excellent networking in the area of Umanned Technology with EMT. As a result of this, UniMAP engineers will be attending a course in Germany in the field of Unmanned Aerial Vehicle, UAV. The SMART-V technology that we have developed, coupled with CamCopter will be able to produce a better product.**
- 5. This Unmanned System will be useful for military as well as civilian. For military it is for safety and confidentiality. But this has emerged as a useful tool in agriculture which includes fire-fighting, helping farmers to detect crop diseases, land and water survey, monitoring wildlife, inspecting railroads and power lines. I am certainly very confident that our team from UniMAP will be able to produce a world class Unmanned System. Good luck and give them a big round of applause.**

MAKLUMAN PROGRAM TELAH BERLANGSUNG

Isu-Isu Semasa dan Ancaman Keselamatan Negara – SAC Datuk Mohd Sofian Md Makinuddin

6. Pada 27 Mac 2013 (Rabu) yang lalu, satu Siri Syarahan Tokoh 2013 yang disampaikan oleh SAC Datuk Mohd Sofian Md Makinuddin telah diadakan bertempat di Dewan Capitol UniMAP, Kangar. Beliau telah berkongsi mengenai Isu-isu Semasa dan Ancaman Keselamatan Negara. Saya dimaklumkan bahawa SAC Datuk Mohd Sofian telah berkongsi mengenai sejarah kejadian yang menganggu gugat keamanan dan keselamatan Negara. Saya yakin pelbagai input berguna telah dikongsikan oleh beliau untuk pengetahuan warga UniMAP.

7. Majoriti warga UniMAP adalah anak kelahiran selepas merdeka. Kebanyakkannya pula adalah lahir selepas tragedi 13 Mei pada tahun 1969. Oleh itu, saya yakin kebanyakan kejadian adalah tidak dilalui oleh warga UniMAP. Maka hanya melalui perkongsian pengalaman sahaja yang akan memberikan pengetahuan dan kesedaran kepada kita untuk menjaga keamanan dan kedaulatan Negara ini.

The 1st International Research Talk 2013 – Prof. Dr. Ali Hussain Reshak

8. Semalam (3 April) telah berlangsung Syarahan Penyelidikan Antarabangsa yang disampaikan oleh Prof. Dr. Ali Hussain Reshak yang bertajuk ‘Graphene Not Alone’. Saya yakin banyak maklumat berguna telah dikongsikan oleh Prof. Reshak kepada warga UniMAP. Sekiranya ada yang tidak mengenali beliau malah terlepas peluang untuk mendengar syarahan beliau, ingin saya kongsikan sumbangan beliau terhadap bidang akademik terutamanya di UniMAP. Beliau telah menghasilkan lebih 220 artikel yang mempunyai ‘high impact factor’ dengan lebih 1100 citations. Dan sejak terjalinya kerjasama antara UniMAP dan beliau, sebanyak 47 jurnal telah diterbitkan atas kapasiti UniMAP. Berikan tepukan yang gemuruh kepada beliau dan UniMAP sendiri.
9. Oleh itu, saya menyeru semua warga UniMAP untuk mengambil peluang dengan menambahkan ilmu pengetahuan yang ada pada Prof. Reshak. Sekiranya kita dapat berkongsi ilmu pengetahuan yang ada pada Prof. Reshak, dapatlah kita menghasilkan lebih banyak bilangan jurnal yang berimpak tinggi dan tidak perlu bergantung kepada beliau semata-mata. Namun, kerja keras adalah yang didambakan bagi berada setanding dengan beliau. Bagi pihak pengurusan universiti, kami amat menggalakkan penghasilan jurnal yang berimpak tinggi sehingga UniMAP sendiri sanggup menawarkan imbuhan tertentu kepada warga UniMAP yang berjaya menghasilkan jurnal impak tinggi.

10. Ayuh, ambillah ini sebagai satu cabaran. Warga UniMAP majoritinya adalah belia. Oleh itu, saya yakin diusia yang muda ini adalah tidak menjadi bebanan untuk saudara-saudari menuntut ilmu. Lagi pula, ilmu adalah perkara yang perlu dicari dan dituntut sepanjang hayat. Oleh itu, mulakan dari sekarang untuk menuntut ilmu, kemudian hasilkan jurnal berimpak tinggi bagi mengharumkan nama saudara saudari sendiri dan UniMAP khasnya.

MAKLUMAN PROGRAM AKAN BERLANGSUNG

11. Malam ini akan diadakan Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Ketua Jabatan yang dilantik bagi tempoh lantikan bermula 1 Mac 2013 hingga 28 Februari 2015. Banyak perkara akan diperkatakan kepada mereka pada malam ini. Sudah pasti ianya berkisar kepada pembangunan dan kemajuan Pusat Tanggungjawab yang dinaungi mereka. Ini adalah bagi memastikan UniMAP terus-menerus melakar kejayaan dan berada dipuncak kegemilangan dalam semua sektor. InsyaAllah. Saya amat berharap agar amanat saya kepada Ketua Jabatan nanti akan disampaikan kepada saudara-saudari warga UniMAP untuk dilaksanakan diperingkat masing-masing.

12. Manakala minggu hadapan akan diadakan Malaysia International Robot Competitions (MIRoC) 2013 yang dahulunya dikenali sebagai MURoC. Setelah menerima maklum balas pihak luar negara yang ingin turut serta dalam pertandingan ini, kita bersetuju bagi membuka peluang kepada mereka untuk menyertai MURoC. Selaras dengan pengantarabangsaan MURoC, namanya telah ditukar menjadi MIRoC. Alhamdulillah, saya dimaklumkan bahawa penyertaan dalam dan luar Negara adalah sangat memberangsangkan. Tahniah kepada AJK MIRoC 2013.

PENUTUP

13. Sebelum saya mengakhiri ucapan pada pagi ini, ingin saya menarik perhatian warga UniMAP untuk berfikir sejenak mengenai tindakan kita tatkala terjadinya perkara yang tidak memuaskan hati kita. Sebelum itu, ingin saya lontarkan satu soalan kepada warga UniMAP, seandainya terjadi perkara yang tidak memuas hati kita, apakah tindakan yang akan kita laksanakan? **Jalan yang paling mudah untuk melepaskan ketidakpuasan tersebut adalah dengan mencari alasan. Alasan yang paling mudah pula ialah menyalahkan orang. Berapa ramaikah yang sanggup mengakui kesalahan sendiri? Realitinya tidak ramai yang sanggup memikul akauntabiliti dibahu sendiri.**
14. Benarlah kata pepatah, ‘Kuman di seberang lautan nampak, Gajah didepan mata tidak nampak’. Kita lebih suka mencipta alasan dengan menunding jari kearah orang lain. Apabila terdapat masalah dalam organisasi, masing-masing menunding jari antara satu sama lain. Tetapi saya yakin masalah tidak akan selesai dengan menyalahkan orang lain. Malah akan membawaikan konflik yang lebih parah.
15. Saya menyeru kepada semua warga UniMAP, sekiranya terjadi kepincangan dalam organisasi atas pelbagai alasan, fikirkan pelbagai kemungkinan. Ubahlah cara berfikir kita. Bermuhasabahlah diri dan seandainya kesilapan itu datangnya daripada diri kita, akui dan berusahalah memperbaiki diri agar kesilapan yang sama tidak berulang lagi.
16. Dan seandainya kesilapan itu hasilan daripada pihak yang lain, terimalah bahawa tiada manusia yang sempurna, maafkannnya dan percaya bahawa setiap yang terjadi mempunyai hikmahnya yang tersendiri. Seperti firman Allah swt adalah surah Al-Baqarah, “Boleh jadi

sesuatu yang kamu benci itu amat baik untuk kamu. Dan boleh jadi sesuatu yang kamu sukai pula amat buruk untuk kamu. Allah Maha Mengetahui sedangkan kamu tidak mengetahui". Wallahu'alam.

17. Saya akhiri ucapan saya pada pagi ini dengan sedikit mutiara kata:-

- **Dan di saat kita letih dan mengeluh tentang pekerjaan, Fikirkan tentang pengangguran, orang-orang cacat yang berharap mereka mempunyai pekerjaan seperti kita.**
- **Sebelum kita menunjukkan jari dan menyalahkan orang lain, Ingatlah bahawa tidak ada seorangpun yang tidak berdosa.**
- **Dan ketika kita sedang bersedih dan hidup dalam kesusahan, Tersenyum dan berterima kasihlah kepada Tuhan bahawa kita masih hidup!**

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.